AUTHOR: No author available SECTION: BISNES AUDIENCE : 82,252 PAGE: 20 PRINTED SIZE: 247.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 8,235 WORDS: 344
ITEM ID: DP0122435573



05 NOV, 2026

Pusat data, pembuatan termaju lonjak permintaan elektrik

Berita Harian (MY), Malaysia

Pusat data, pembuatan termaju lonjak permintaan elektrik

Pertumbuhan pelaburan dalam sektor berintensifkan tenaga, khususnya pusat data dan pembuatan termaju, meningkatkan permintaan elektrik negara sekali gus memerlukan perancangan infrastruktur tenaga yang lebih menyeluruh bagi memastikan bekalan kekal stabil dan berdaya saing.

Setiausaha Bahagian (Tenaga Lestari) Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), Rosmahyuddin Baharuddin, berkata, walaupun pelaburan berkenaan membawa peluang ekonomi kepada Malaysia, peningkatan permintaan elektrik perlu disokong kapasiti penjanaan, sistem penghantaran dan pengaturan perolehan tenaga yang realistik.

Beliau berkata, pembangunan infrastruktur tenaga perlu bergerak seiring dengan pertumbuhan pelaburan, selain menggalakkan penyertaan sektor korporat dalam program tenaga bersih.

"Malaysia sedang menarik pelaburan berintensifkan tenaga, termasuk sektor pembuatan termaju dan pusat data. Pelaburan ini membawa peluang ekonomi, tetapi pada masa sama mewujudkan permintaan elektrik yang besar serta keperluan infrastruktur.

"Kita mesti memastikan permintaan baharu disokong oleh pengaturan penjanaan, penghantaran dan perolehan tenaga yang realistik, di samping menggalakkan penyertaan korporat dalam program tenaga bersih," katanya berucap pada program Clean Energy Transition Initiative 2026 di Kuala Lumpur, semalam.

Rosmahyuddin berkata, peralihan tenaga negara perlu dilaksanakan secara teratur dengan mengambil kira tiga pertimbangan utama, iaitu keselamatan bekalan, kemampuan pengguna dan kelestarian alam sekitar.

Katanya, peralihan kepada sumber tenaga boleh baharu tidak seharusnya menjejaskan kebolehpercayaan bekalan elektrik, membebankan pengguna atau melemahkan daya saing negara.

Beliau berkata, tenaga boleh baharu mampu memperkukuh kepelbagaian sumber bekalan, namun sifat penjanaannya yang berubah-ubah memerlukan sokongan kapasiti penjanaan yang boleh dikawal, grid moden, sistem penyimpanan tenaga dan perkhidmatan sokongan sistem yang bersesuaian.

Sehubungan itu, katanya, Malaysia sedang memperkukuh dan memodenkan infrastruktur grid bagi menampung perubahan corak permintaan elektrik, peningkatan penjanaan tenaga secara teragih serta penggunaan tenaga boleh baharu yang lebih meluas.

Rosmahyuddin berkata, sistem penyimpanan tenaga bateri (BESS) juga dijangka memainkan peranan semakin penting dalam meningkatkan fleksibiliti sistem elektrik negara.

Antara inisiatif yang diketengahkan ialah MyBEST dengan kapasiti 400 megawatt (MW) dan penyimpanan tenaga 1,600 megawatt-jam (MWh), selain komponen penyimpanan bateri di bawah LSS6 berkapasiti 1,250MW dan 5,000MWh.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, kapasiti tenaga boleh baharu Malaysia mencapai hampir 32 peratus daripada keseluruhan kapasiti terpasang negara menjelang pertengahan 2026, bersamaan kira-kira 14 gigawatt (GW).

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.